

Imperialisme di Laut China Selatan



Sedang seluruh dunia mengecam jenayah China ke atas umat Islam Uighur, rejim komunis itu tetap tidak mengendurkan lagak mereka.

Terkini dilaporkan rejim itu membantah tindakan Malaysia menghantar tuntutan persempadanan pentas benua di Utara Laut China Selatan ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Tindakan Malaysia menghantar tuntutan itu yang kedua selepas kali pertama melakukannya untuk bahagian Selatan di Laut China Selatan pada tahun 2009 bersama-sama Vietnam jelas selari dengan Konvensyen Undang-undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCLOS) yang menyatakan mana-mana negara berhak menuntut hak Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) sejauh 200 batu nautika dari garis pantainya.

Portal *South China Morning*

Post memetik alasan bantahan komunis China kononnya Malaysia melanggar kedaulatannya, hak berdaulat dan bidang kuasa China di Laut China Selatan.

Di sebalik bantahan rejim komunis itu, Suruhanjaya PBB untuk Had Sempadan Pentas Benua menyatakan tuntutan sebahagian Utara Laut China Selatan oleh Malaysia itu akan dimasukkan dalam agenda sesinya yang ke-53 di New York, Amerika Syarikat (AS) pada 2021.

Menarik untuk disaksikan bagaimana rejim komunis itu akan bertindak balas. Pada tahun 2009, selepas Malaysia dan Vietnam mengirim tuntutan pentas benua, China pula bertindak mengeluarkan peta bergaris sembilan di Laut China Selatan, dua garisan secara jelas mencero bohi perairan Sabah dan Sarawak kita.

Langkah itu disusuli siri pencerobohan pengawal pantai mereka berserta aktiviti pembinaan pulau buatan lengkap dengan infrastruktur ketenteraan di samping latihan ketenteraan Tentera Laut Republik Rakyat China

(PLAN) di kawasan bertindih.

Jika dari segi diplomatik pun China tidak segan untuk berbohong menyanggah Konvensyen Undang-undang Laut PBB, apatah lagi dari segi ketenteraan.

Portal *Forbes* beberapa hari lalu bertajuk *The Chinese Navy is Building an Incredible Number of Warships* bahkan mendedahkan betapa rejim komunis itu cuba meluaskan jajahan mereka ke atas Laut China Selatan melalui pembinaan kapal-kapal perang secara besar-besaran.

Laporan itu disertakan dengan bukti bergambar bahawa terdapat tidak kurang daripada sembilan buah kapal perang sedang dibina di Shanghai.

Terdapat beberapa jenis kapal pembinasa *Type-052D* setanding kapal pembinasa *Arleigh Burke Class AEGIS* milik Tentera Laut Amerika Syarikat. Dengan berat 7,500 tan, ia mampu membawa 64 peluru berpandu bersaiz besar termasuk peluru berpandu permukaan ke udara jarak jauh (SAMs) dan peluru berpandu krus.

Beberapa buah kapal lagi di-

66 *Jika dari segi diplomatik pun China tidak segan untuk berbohong menyanggah Konvensyen Undang-undang Laut PBB, apatah lagi dari segi ketenteraan."*

kenal pasti sebagai *Type-055 Class* iaitu dua kali ganda saiz *Type-052D* dan mampu mengangkut lebih 100 peluru berpandu bersaiz besar. Jumlah kesemua kapal China itu adalah sembilan buah berbanding jumlah keseluruhan kapal pembinasa dimiliki Tentera Laut Diraja United Kingdom hanyalah enam buah sahaja.

Namun, paling menarik perhatian dalam laporan *Forbes* itu ialah pembinaan kapal induk pengangkut pesawat generasi baharu buatan China sendiri.

Setakat ini, China sudahpun memiliki dua unit kapal induk pengangkut pesawat udara, na-

mun kapal *Type-003* itu dipercayai memiliki pelancar elektromagnetik seperti dimiliki Kapal Induk Pesawat *Ford Class* milik Tentera Laut AS.

China bukan sahaja membina pulau-pulau buatan di wilayah pertikaian di Laut China Selatan, bahkan membangunkan pula infrastruktur ketenteraan di pulau itu.

Malangnya, kita di Malaysia pula mengambil langkah berundur ke belakang. Timbalan Menteri Pertahanan, Liew Chin Tong di Dewan Negara pada 16 Disember lalu menjelaskan kerajaan tidak merancang menambah bilangan kapal selam.

Chin Tong: Kita tidak bercadang untuk menambah bilangan kapal selam walaupun di Singapura dan Indonesia ada lima serta Vietnam enam kapal selam. Kita kekalkan apa yang sedia ada.

Demi kedaulatan negara dan kepentingan nasional kita, penirian itu wajib disemak semula.

**Abd Muein Abadi ialah Pensyarah Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*